

# Usah malu martabatkan bahasa Melayu

Oleh Adli Shahar  
adli@bharian.com.my

**Kolokium** Bahasa Melayu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, baru-baru ini, menegaskan usaha memartabatkan bahasa Melayu di negara ini tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

Presiden Persatuan Penulis Nasional (PENA), Dr Mohamad Saleeh Rahamad, menegaskan pihak yang memartabatkan bahasa Melayu tidak perlu berasa malu atau takut kerana ia selaras dengan jaminan kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan.

"Apabila kita menegakkan Perlembagaan walau dengan apa cara sekalipun yang tidak melanggar undang-undang, maka perjuangan itu sah dan jangan kita rasa malu untuk melaksanakannya.

"Malah, kebimbangan untuk menjalankan usaha memartabatkan bahasa Melayu kerana risau penutur bahasa lain juga mengambil kesempatan untuk memperjuangkan bahasa mereka tidak sepatutnya berlaku," katanya pada kolokium yang turut dihadiri Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan.

Dr Mohamad Saleeh berkata, tumpuan utama pada masa kini adalah untuk memastikan kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan yang dapat memastikan kemajuan

penutur bahasa Melayu bergerak sejajar dengan pembangunan negara.

"Kehilangan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara bermakna penutur bahasa Melayu akan terkapai-kapai dalam usaha untuk terus bersaing," katanya yang juga Pensyarah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM).

Pandangan itu senada dengan penulis Johor, Shapiai Muhammad Ramly yang berkongsi pengalamannya sebagai pelajar aliran bahasa Melayu generasi terawal yang mengikuti sistem pendidikan ketika negara baru merdeka yang disifatkannya terpinggir.

"Ketika itu, pelajar aliran bahasa Melayu seperti kurang mendapat perhatian dan menumpang di sekolah aliran Inggeris kerana sistem pendidikan ketika itu lebih mengutamakan aliran berkenaan.

"Situasi pada masa itu tidak sepatutnya berlaku kerana sebagai pelajar yang menutur bahasa Melayu, kami juga perlu diberikan peluang sama," katanya pada forum yang dihadiri

kira-kira 200 peserta.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Bahasa, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM, Ku Hasnan Ku Halim pula menekankan peranan generasi muda dalam pembabitatan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

"Bahasa Melayu pernah digunakan secara meluas satu ketika dulu dan terus berkembang sehingga pernah menjadi lingua franca yang digunakan oleh pedagang antarabangsa.

"Generasi muda seharusnya menyedari hakikat sejarah ini dan berusaha untuk sama-sama terabit dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu," katanya pada kolokium yang turut menampilkan Pensyarah Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM, Dr Md Akbal Abdullah dan Timbalan Setiausaha Agung PENA, Dr Shamsudin



**"Kebimbangan menjalankan usaha memartabatkan bahasa Melayu kerana risau penutur bahasa lain mengambil kesempatan memperjuangkan bahasa mereka tidak sepatutnya berlaku"**

**Dr Mohamad Saleeh Rahamad,**  
Presiden PENA

Othman.

Kolokium Bahasa Melayu itu dianjurkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Penulis Johor (PPJ), UTHM, dan PENA.



Ku Hasnan Ku Halim



Shapiai Muhammad Ramly



Dr Mohd Noh (dua dari kanan), menerima buku dari Dr Muhammad Saleeh (kiri), sambil diperhatikan, Dr Awang Sariyan (kanan), selepas **Majlis Kolokium Bahasa Melayu 2012** di Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat.

[ FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI /BH ]